

HOC: Rumah bawah RM300,000 untuk golongan B40 dan M40

Bernamea | 📅 September 24, 2019 05:21 MYT



Zuraida yakin 80 peratus akan terjual daripada keseluruhan kediaman bernilai RM2 bilion yang ditawarkan pada kempen HOC itu nanti. - Gambar fail

KUALA LUMPUR: Kempen 'Pemilikan Rumah Mampu Milik (HOC): Affordable Homes' yang memberi fokus kepada penjualan rumah bernilai bawah RM300,000 khusus bagi golongan B40 dan M40, merupakan antara inisiatif Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam menawarkan peluang kepada mereka untuk membeli rumah, bagi yang belum memilikinya.

Menterinya Zuraida Kamaruddin berkata beberapa pihak daripada institusi kewangan juga akan terlibat dengan kempen itu bagi membantu menguruskan permohonan pembiayaan pinjaman, iaitu suatu perkara yang sering menjadi masalah kepada mereka yang berhasrat membeli rumah.

"KPKT sedang berusaha mencari jalan bagaimana (cara) bagi membolehkan golongan B40 dan M40 ini mendapat laluan yang mudah, supaya dapat dipertimbangkan bank untuk membiayai pinjaman perumahan mereka.

"Semua sudah maklum bahawa isunya sekarang adalah berkaitan kemudahan mereka mendapatkan pinjaman dari bank," katanya ketika berucap di majlis Pra-Pelancaran HOC: Affordable Homes di KL Sentral pada Isnin.

Penganjuran HOC selama tiga hari yang dijadualkan bermula pada 4 Oktober di NU Sentral, Kuala Lumpur itu juga disasar untuk menjadi satu platform bagi memperkukuh, dan menyelaraskan pelaksanaan strategi serta pelan tindakan dalam menangani isu kebolehpemilikan rumah.

Sementara itu, ketika ditanya berhubung sasaran KPKT untuk jualan unit rumah dalam kempen